

SOALAN NO: 205

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**[TELOK KEMANG]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 205**

**YB Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana rancangan Kementerian bagi menepati garis panduan International Patient Safety Goals (IPSG) yang melibatkan status kesihatan pesakit, komunikasi, ubatan dan juga pembedahan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

"Malaysian Patient Safety Goals (MPSG)" ini telah dilancarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia pada 24 Jun 2013. Tiga belas fokus utama MPSG melibatkan pemantauan-pemantauan tadbir urus klinikal (*Clinical Governance*), status kesihatan pesakit, proses dan hasil rawatan (*treatment process and outcome*) serta pemantauan insiden yang tidak diingini seperti kesilapan pemindahan darah, kesilapan pemberian ubatan dan kesilapan pembedahan. Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 2/2013 serta garis panduan khas

bertajuk "Malaysian Patient Safety Goals Implementation Guideline" telah pun diwujudkan bagi memperincikan kaedah pelaksanaan serta pemantauan pencapaian.

Langkah-langkah berikut telah diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan sejak tahun 2013 bagi memastikan fasiliti kesihatan melaksanakan *Malaysian Patient Safety Goals* :

- I. Aktiviti promosi, pendidikan serta latihan telah dilaksanakan di pelbagai peringkat, iaitu kebangsaan, negeri, hospital dan klinik.
- II. Pemantauan berterusan serta bantuan teknikal diberikan kepada negeri dan fasiliti kesihatan yang memerlukan, termasuk kepada sektor swasta.
- III. Pencapaian dan status keselamatan pesakit dianalisa dan dibentangkan setiap tahun kepada Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Hasil daripada analisa ini, tindakan sewajarnya diambil bagi menangani isu keselamatan pesakit semasa. Laporan tahunan juga dihasilkan serta diedarkan.
- IV. Pada Januari 2016, *Technical Working Group (TWG)* bagi setiap gol telah diwujudkan untuk meneliti setiap gol dan merancang strategi untuk mengukuhkan implementasi serta menambahbaik kelemahan.
- V. Pada tahun 2016, *Report Card* yang mengandungi pencapaian Hospital-hospital KKM di bawah setiap Jabatan Kesihatan Negeri yang berkenaan juga telah diberikan untuk tindakan Jabatan Kesihatan.

Sejak pelaksanaan MPSG pada 2013, kesemua hospital KKM telah pun melaksanakannya. Kesedaran di kalangan anggota kesihatan berkenaan aspek keselamatan pesakit juga telah bertambah. Usaha-usaha mempertingkatkan aspek keselamatan pesakit kini merupakan salah satu agenda penting dalam perkhidmatan kesihatan di negara kita. MPSG juga telah pun dibentangkan di persidangan dan mesyuarat antarabangsa serta menjadi contoh kepada negara lain.